

10 AUG 2002

MAHATHIR-ASEAN+3/I

MAHATHIR: ASEAN+3, PERMULAAN KEPADA PEMBENTUKAN EAEG

TANJONG MALIM, 10 Ogos (Bernama) -- Cadangan Malaysia untuk menjadi tuan rumah kepada Sekretariat Asean+3 adalah permulaan kepada cadangan pembentukan Perkumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang mengandungi negara-negara dari Asia Utara dan Tenggara, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Secara bersendirian, hampir semua negara Asia Tenggara (Asean) adalah negara-negara membangun yang lemah yang suaranya tidak dihormati di dalam forum-forum antarabangsa, kata beliau.

Sebaliknya, katanya negara-negara Asia Timur Laut yang mengandungi China, Jepun dan Korea Selatan adalah lebih kuat dan lebih kaya, dan mempunyai potensi masa depan yang lebih baik daripada negara-negara Asean.

"Kalau dicantumkan Asean dan tiga negara ini, kita akan jadi satu suara yang cukup kuat dan perlu dihormati," beliau memberitahu pemberita selepas menghadiri satu sesi dialog dengan kakitangan dan pelajar-pelajar Univerisiti Pendidikan Sultan Idris di sini.

Dr Mahathir, yang dalam lawatan sehari ke Perak, berkata secara kolektif negara-negara Asean+3 akan mempunyai pasaran digabungkan lebih daripada 1.5 bilion pengguna.

Dengan pasaran yang sedemikian besar, industri-industri di negara-negara itu sebagai satu kumpulan boleh berkembang dengan kompetitif seperti di Eropah dan Amerika, tambah beliau.

Memandangkan kekuatan itu, Dr Mahathir berkata negara-negara Asean+3 boleh mengimbangkan kekuatan ekonomi dan politik Barat sekarang.

Di samping itu, negara-negara Asia itu juga akan berkedudukan lebih baik untuk mengangkis percubaan untuk menjajah mereka melalui tekanan ekonomi seperti yang digunakan semasa krisis kewangan Asia lalu, katanya.

Jika tidak kerana kedudukan kewangan dan asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh, katanya ia mungkin menjadi mangsa kepada keperluan mengambil pinjaman asing yang besar dengan kehilangan kedaulatan ekonominya semasa krisis itu.

"Inilah pentingnya kita mencari kekuatan dengan bekerjasama dengan negara Asia Timur Laut yang lebih kuat. Negara-negara ini adalah negara Asia dan mereka faham tentang selok-belok dan budaya bangsa Asia," kata Perdana Menteri.

Kerana alasan itu, Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus mendesak supaya Sekretariat Asean+3 ditubuhkan di Kuala Lumpur walaupun terdapat hakikat bahawa idea itu telah ditolak pada Mesyuarat Peringkat Menteri Asean (AMM) di Brunei baru-baru ini.

Beliau mendedahkan bahawa cadangan Malaysia bagi the sekretariat itu ditolak kerana perasaan cemburu dan tidak senang hati di kalangan negara-negara Asean tertentu.

"Ada pihak berkata kononnya dengan adanya sekretariat Asean+3 ini maka Sekretariat Asean (di Jakarta) akan diketepikan. Di kalangan negara-negara Asean juga ada rasa cemburu dan tidak senang hati (mengenai cadangan sekretariat itu di Kuala Lumpur)," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAD SHY OS